SPS/2019/03992

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**KETUA PENDAFTAR**
**INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA**
***REGISTRAR GENERAL***
***PRIVATE HIGHER EDUCATIONAL INSTITUTIONS***
Jabatan Pendidikan Tinggi
*Department Of Higher Education*
Kementerian Pendidikan Malaysia
*Ministry of Education Malaysia*
Aras 9, No.2, Menara 2,
Jalan P5/6, Presint 5
62200 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-88706381
Faks (Fax): 603-88706840
Portal Rasmi: http://jpt.mohe.gov.my
(Official Portal)

73/19

UNIT PENTADBIRAN MERCU MQA 20 JUN 2019 AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (MQA)

JABATAN PERKHIDMATAN TERIMA 24 JUN 2019 Sektor Pembangunan Dasar & Kepakaran AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (MQA)

DATO' DR. RAHMAH BINTI MOHAMED Ketua Pegawai Eksekutif Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) 24 JUN 2019

PEJABAT KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF TERIMA 21 JUN 2019 AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (MQA)

Ruj. Kami : JPT/GS 1000-614 Jld.1 (47)
Tarikh : 13 Jun 2019

Semua Ketua Eksekutif Institusi Pendidikan Tinggi Swasta

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan,

**PENGEMASKINIAN BUTIRAN DASAR PEKELILING PENGURUSAN PENDIDIKAN TINGGI SWASTA (PPTS), JABATAN PENDIDIKAN TINGGI, KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI BIL. 2/2017: PENGEMASKINIAN DASAR KERJASAMA KURSUS PENGAJIAN DI INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA (IPTS)**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk dan surat Jabatan ini rujukan JPT/GS 1000-606 Jld.2(1) bertarikh 12 April 2017 adalah berkaitan.

2. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan, Jabatan ini telah meneliti semula butiran dasar kerjasama kursus pengajian di IPTS dan dibentangkan dalam Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti Bil. 3/2018 antara KPM dan MQA. Sehubungan itu, dasar kerjasama kursus pengajian di IPTS dikemas kini bagi butiran seperti berikut:

2.1 **Syarat Institusi**

**Kerjasama dengan universiti luar negara yang berdaftar dan diperakukan oleh badan berkuasa atau kerajaan negara berkaitan serta mendapat perakuan akreditasi daripada badan jaminan kualiti yang bertanggungjawab.**

**Kerjasama juga boleh dijalankan dengan universiti luar negara di bawah badan yang telah menandatangani *comparability* dengan MQA dan mendapat pengiktirafan serta perakuan akreditasi daripada badan berkuasa atau badan jaminan kualiti atau kerajaan negara berkaitan.**

2.2 **Syarat Pengurusan**

**Setiap IPTS *franchisee* dibenarkan menawarkan kursus pengajian kerjasama sehingga maksimum 70% daripada keseluruhan kursus akademik yang ditawarkan di institusi. Kursus pengajian kerjasama yang hendak ditawarkan perlulah mempunyai kualiti yang mana kursus pengajian asal perlulah berdaftar dan diperakukan oleh pihak berkuasa atau badan jaminan kualiti di negara berkaitan.**

3. Dalam hal berkaitan, butiran dasar kerjasama lain seperti yang telah dikeluarkan melalui Pekeliling Pengurusan Pendidikan Tinggi Swasta (PPTS), Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi Bil. 2/2017: Pengemaskinian Dasar Kerjasama Kursus Pengajian di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) adalah dikekalkan.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DATIN PADUKA IR. DR. SITI HAMISAH TAPSIR)**
Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Tinggi Swasta
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Malaysia

**s.k :**

1. Timbalan Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Tinggi Swasta
   Jabatan Pendidikan Tinggi
   Kementerian Pendidikan Malaysia

2. Ketua Pegawai Eksekutif
   Agensi Kelayakan Malaysia
   Mercu MQA
   No. 3539, Jalan Teknokrat 7, Cyber 5
   63000 Cyberjaya
   **SELANGOR**

3. Ketua Eksekutif
   Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
   Menara PTPTN
   Blok D, Megan Avenue II
   No.12, Jalan Yap Kwan Seng
   50450 **KUALA LUMPUR**

4. Pengarah
   Bahagian Governan IPTS
   Jabatan Pendidikan Tinggi

5. Pengarah
   Bahagian Pendaftaran dan Piawaian
   Jabatan Pendidikan Tinggi

6. Pengarah
   Bahagian Penguatkuasaan dan Inspektorat
   Jabatan Pendidikan Tinggi